

UUM Jalin Kerjasama Dengan University Of Leeds

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 03 Julai 2011 12:46

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

3 JULAI 2011/1 SYAABAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM JALIN KERJASAMA DENGAN UNIVERSITY OF LEEDS

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) meningkatkan usaha untuk muncul sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka dalam waktu yang terdekat.

Untuk mencapai hasrat ini, pelbagai strategi telah diatur antaranya mengadakan kerjasama dengan beberapa universiti terkemuka di dunia.

Usaha ini direalisasikan apabila UUM mencatat satu lagi sejarah apabila berjaya menjalin kerjasama dengan University of Leeds (UoL), United Kingdom melalui perjanjian persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani oleh Naib Canselor UUM, Profesor Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak dengan Prof. Jeremy Higham, Dean Faculty of Education, Social Sciences and Law yang mewakili UoL di kampus Universiti itu, pagi Selasa lalu.

Perjanjian yang telah ditandatangani itu akan membolehkan UUM dan UoL berkerjasama dalam pelbagai bidang termasuk latihan dan pertukaran staf, program mobiliti pelajar serta penyelidikan dan penganjuran seminar secara bersama.

UoL juga bersedia bekerjasama dengan UUM untuk menawarkan program Master of Research (MRes) melalui penyeliaan secara bersama.

Di samping itu, kedua-dua Universiti ini juga bersedia menawarkan program eksekutif dan kursus jangka pendek secara berkembar dalam pelbagai bidang khususnya bidang pemasaran.

Dr Mohamed Mustafa berkata, usaha kerjasama ini akan membolehkan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYA GSB) UUM mengorak langkah untuk menjayakan peranannya supaya dapat dikenali di persada antarabangsa.

Katanya lagi, semua pihak di UUM perlu bekerja kuat untuk menjulang nama Universiti ini agar dikenali di peringkat antarabangsa.